



RISDA LIVESTOCK SDN. BHD. (400540-V)

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat, pembekal dan penternak yang berdaftar, berpengalaman serta berkemampuan untuk membekal dan menghantar ternakan bagi tujuan pembiakan kepada RISDA Livestock Sdn. Bhd.

BIL	NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR BEKALAN	HARGA DOKUMEN (RM)
1	RLSB/PTIC/01/2026	Membekal dan Menghantar 50 Ekor Lembu Baka Jantan Brahman Kacukan dan 500 Ekor Lembu Betina Brahman Bunting Kacukan (PTIC) Untuk Tujuan Pembiakan Kepada RISDA Livestock Sdn. Bhd.	300.00

i) Tender ini dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 070202 (Haiwan Ternakan, Bukan Ternakan dan Akuatik).

ii) Pembekal hendaklah mempunyai pengalaman dalam pembekalan, pengimportan atau pengurusan ternakan hidup bagi tujuan pembiakan dan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan sekiranya diminta oleh RISDA Livestock Sdn. Bhd.

iii) Pembekal hendaklah mencatatkan tajuk berikut di atas sampul surat dengan jelas:

TAWARAN UNTUK MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 50 EKOR LEMBU BAKA PEJANTAN BRAHMAN KACUKAN DAN 500 EKOR LEMBU BETINA BRAHMAN BUNTING KACUKAN (PTIC) UNTUK TUJUAN PEMBIAKAN KEPADA RISDA LIVESTOCK SDN BHD

TENDER : RLSB/PTIC/01/2026

iv) Harga tawaran yang dikemukakan hendaklah mengambil kira semua kos berkaitan pembekalan termasuk kos pengangkutan darat dari pelabuhan pendaratan ke lokasi ladang penerima menggunakan perkhidmatan RISDA Fleet Sdn. Bhd.

v) RISDA Livestock Sdn. Bhd. berhak membatalkan, menangguhkan atau meminda proses tender ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan tanpa menanggung apa-apa liabiliti kepada mana-mana pembekal.

- vi) Bayaran bagi pembelian Dokumen Tender adalah tidak akan dikembalikan.
- vii) Dokumen Tender boleh dibeli mengikut harga seperti tercatat di dalam iklan mulai dari tarikh kenyataan tawaran seperti alamat di bawah :-
- viii) Dokumen Tender yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan keseluruhannya ke dalam sampul surat yang disediakan dan dimasukkan ke dalam peti tender seperti alamat berikut :-

RISDA LIVESTOCK SDN. BHD.
NO. 39-2, TINGKAT 2 JALAN SULAIMAN 3, TAMAN PUTRA SULAIMAN 68000 AMPANG,
SELANGOR DARUL EHSAN
NO. TEL : 03 - 42706939 EMAIL : admin@risdalivestock.com

- 1. TARIKH PELAWAAN : 10 JUN 2026 (RABU)**
- 2. TARIKH DAN WAKTU TUTUP : 24 JUN 2026 (RABU) JAM 12.00 TENGAH HARI**

RISDA Livestock Sdn. Bhd. tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi atau terendah ataupun sebarang tawaran.